

# Masyarakat ibarat mata dan telinga polis

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain semasa menyampaikan sumbangan derma berupa barangan asasi kepada salah seorang penerima (atas).



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Tutong, Supt. Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, turut hadir ialah pegawai-pegawai dan kakitangan dari Balai Polis Tutong dan Balai Polis Lamunin.

TUTONG, Rabu, 22 Mac. - Pelbagai acara disusun bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Polis kali ini termasuk Projek Amal menerusi Promosi Kesihatan Awam anjuran Daerah Polis Tutong yang sememangnya bertepatan dengan tema sambutan Perpaduan dan Keharmonian Mengukuhkan Keamanan.

Tema tersebut membawa maksud yang amat mendalam terutama sekali dalam penglibatan semua pihak termasuk orang awam dalam memerangi dan mencegah jenayah serta mengekalkan keamanan yang kita nikmati pada masa kini.

Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong, Supt. Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani menjelaskan perkara tersebut dalam ucapan alu-aluannya pada Acara Amal Promosi Kesedaran Awam sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017, bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong, di sini.

Menurut Supt. Pengiran Haji Abdul Salam, perpaduan dan keharmonian dalam konteks itu membawa erti hubungan kerjasama, bersatu hati, saling bantu-membantu dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain.

Sementara itu, katanya, mengukuhkan keamanan pula bermaksud mengekalkan suasana

kehidupan harian yang tenteram dan selamat, jauh dari anasir-anasir yang boleh mengganggu-gugat kestabilan.

"Antara kata lain, perpaduan dapat mencetuskan keharmonian sementara keharmonian pula dapat mengujukkan keamanan," katanya.

Walaupun pada dasarnya, Supt. Pengiran Haji Abdul Salam menerangkan, tugas pencegahan dan pembanterasannya itu merupakan tanggungjawab utama Pasukan Polis Diraja Brunei, namun peranan masyarakat juga adalah sangat penting bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman, di mana orang ramai adalah diibaratkan sebagai mata dan

telinga kepada polis.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Acara juga diteruskan dengan penyampaian sumbangan bantuan berupa barang-barang keperluan harian kepada dua buah keluarga yang menetap di daerah berkenaan.

Turut hadir, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, selaku Penghulu Mukim Telisai dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya; pegawai-pegawai dan kakitangan dari Balai Polis Tutong dan Balai Polis Lamunin, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.



## Kuwait berhasrat tingkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto : UNISSA

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), telah menerima kunjungan muhibah daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri.

Semasa kunjungan tersebut, Tuan Yang Terutama telah mengadakan perjumpaan dengan Rektor UNISSA,

Dr. Haji Norfaran bin Haji Zainal.

TYT Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri telah membincangkan hasrat negaranya untuk memperluaskan lagi hubungan dan jalinan kerjasama dua-hala di antara Kuwait dan Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam bidang penyelidikan dan pendidikan di antara Universiti Kuwait dengan UNISSA melalui pertukaran pelajar, seminar, persidangan, penyelidikan

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan muhibah daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Kuwait ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Fahad Mashary Al-Thafiri bergambar ramai bersama Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfaran bin Haji Zainal serta pegawai-pegawai UNISSA.

bersama dan penerbitan bahan ilmiah. TYT juga menyuarakan keinginannya untuk melihat pelajar UNISSA mengikuti pengajian di Universiti Kuwait, lebih-lebih lagi dengan adanya peluang biasiswa yang ditawarkan oleh kerajaan berkenaan.

Perbincangan juga tertumpu kepada penghantaran pelajar UNISSA

mengikuti pengajian ke Universiti Kuwait, sama ada di bawah program pengajian luar negara (*study abroad program*) atau pengajian intensif bahasa Arab.

Sehubungan itu, Rektor UNISSA mengalu-alukan perancangan tersebut dan berharap para pelajar UNISSA dapat manfaat daripada peluang berharga ini dengan menimba

pengalaman mengenai kehidupan dan kebudayaan di negara berkenaan.

Turut hadir dalam perjumpaan tersebut ialah Timbalan Rektor, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Pemangku Penolong Rektor, Dr. Siti Sara bin Haji Ahmad dan beberapa orang pegawai utama UNISSA.

Penyewaan Dewan  
Muhibbah bagi 2018  
dibukakan 6 April 2017

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Mac. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) ingin memaklumkan bahawa penyewaan Dewan Muhibbah bagi tahun 2018 akan mula dibukakan kepada orang ramai bermula Khamis, 9 Rejab 1438 bersamaan 6 April 2017, jam 9.00 pagi.

Orang ramai yang berhasrat untuk menyewa dewan berkenaan bolehlah berurusan di Bilik Teater, jabatan berkenaan.